



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE TASHKENT, REPUBLIK UZBEKISTAN

TASHKENT, 14 JUN 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja rasmi ke Tashkent, Uzbekistan atas jemputan TYT Ibrokhim Abdurakhmonov, Menteri Pertanian Uzbekistan. Lawatan ini mencerminkan komitmen kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama strategik dalam sektor pertanian dan agromakanan, khususnya dalam bidang penyelidikan, inovasi, teknologi pertanian dan pelaburan.

Dalam pertemuan dua hala yang diadakan pada 13 Jun 2026, YB Menteri dan TYT Ibrokhim Abdurakhmonov telah membincangkan pelbagai bidang kerjasama yang berpotensi memberi manfaat kepada kedua-dua negara. Antara fokus utama yang dibincangkan termasuk pembangunan akuakultur, teknologi pengairan mampan, adaptasi perubahan iklim, penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian, keterjaminan makanan serta penerapan teknologi pintar bagi meningkatkan produktiviti sektor agromakanan.

Dalam sektor akuakultur dan perikanan, kedua-dua pihak mengenal pasti potensi besar untuk memperluaskan kerjasama teknikal, pelaburan dan pemindahan teknologi. Malaysia yang mempunyai kekuatan dalam bidang akuakultur, pengeluaran makanan laut serta sistem kawalan kualiti, termasuk industri udang, bersedia untuk berkongsi kepakaran dan amalan terbaik dengan Uzbekistan. Malaysia turut berkongsi pengalaman dalam penggunaan teknologi *biofloc* yang telah berjaya meningkatkan produktiviti akuakultur di kawasan yang terhad, sekali gus menawarkan penyelesaian yang berpotensi untuk menyokong pembangunan industri perikanan Uzbekistan.

Pihak Uzbekistan turut menyatakan minat untuk mendapatkan kepakaran, teknologi dan pelaburan dari Malaysia bagi memperkukuh sektor perikanan negara tersebut, meningkatkan bekalan makanan domestik serta menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan serantau.

Kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa transformasi digital perlu menjadi antara pemacu utama pembangunan pertanian masa hadapan. Sehubungan itu, kerjasama dalam bidang kecerdasan buatan (AI), pertanian digital, pertanian pintar dan pengurusan air secara mampan dikenal pasti sebagai antara bidang baharu yang berpotensi untuk diterokai. Pengalaman Uzbekistan dalam pengurusan pertanian di kawasan beriklim kering, digabungkan dengan kepakaran Malaysia dalam teknologi pertanian dan inovasi agromakanan, dijangka dapat mewujudkan sinergi yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Bagi memastikan manfaat kerjasama dapat diterjemahkan kepada hasil yang lebih nyata, kedua-dua pihak turut menggalakkan pengukuhan kerjasama *business to business* (B2B) antara syarikat dan pemain industri pertanian Malaysia dan Uzbekistan sebagai pelengkap kepada hubungan *government to government* (G2G) yang sedia terjalin. Kedua-dua negara bersetuju untuk mewujudkan jawatankuasa bagi meneliti peluang pelaburan dan perdagangan dalam sektor pertanian.

YB Menteri turut menyambut baik perkembangan kerjasama antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan *Centre of Knowledge and Innovation in Agriculture* (AKIS), Uzbekistan yang sedang dalam perbincangan untuk memuktamadkan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian. Kerjasama ini dijangka membuka ruang kepada pertukaran saintis, pelaksanaan penyelidikan bersama, pembangunan teknologi pertanian serta inovasi yang mampu meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor agromakanan kedua-dua negara.

Sebagai sebahagian daripada program lawatan, YB Menteri juga turut merasmikan pelancaran operasi Meraque Group di Uzbekistan. Meraque merupakan syarikat teknologi pertanian Malaysia yang terkemuka dalam bidang robotik, dron dan *precision agriculture* serta telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pertanian Uzbekistan. Pelancaran ini merupakan satu pencapaian penting bagi syarikat Malaysia dalam menembusi pasaran Asia Tengah dan membuktikan

keupayaan teknologi pertanian tempatan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Hubungan perdagangan produk pertanian dan agromakanan antara Malaysia dan Uzbekistan terus menunjukkan perkembangan positif dengan nilai perdagangan mencecah RM338.48 juta bagi tempoh Januari hingga Disember 2025. Eksport utama Malaysia ke Uzbekistan merangkumi kopi, koko, teh, rempah-ratus dan produk makanan diproses, manakala import utama dari Uzbekistan termasuk buah-buahan bernilai tinggi seperti anggur.

Di akhir pertemuan, YB Menteri telah menyampaikan jemputan rasmi kepada pihak Uzbekistan untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang akan berlangsung pada 28 Ogos hingga 6 September 2026 dengan tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Lawatan ini turut merangkumi penyertaan YB Menteri dalam *Tashkent International Investment Forum* (TIIF) 2026, yang akan dirasmikan oleh Presiden Republik Uzbekistan, TYT Shavkat Mirziyoyev pada 17 Jun 2026. Forum berprestij ini menjadi platform utama bagi pemimpin kerajaan, pelabur global dan pemain industri antarabangsa untuk meneroka peluang pelaburan serta memperkukuh kerjasama ekonomi dan perdagangan rentas sempadan.

Delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) disertai oleh YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Encik Khalid Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan serta pegawai-pegawai kanan kementerian.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

